

## BAB KEDUA

## TARGHIB DAN TARHIB DI DALAM AL-QURAN DAN HADIS

2.1: Definisi Targhib

Dari segi bahasa:

Targhib adalah berasal daripada perkataan bahasa Arab, iaitu kata nama yang diambil daripada kata kerja <sup>عَبَّ</sup> yang bererti mempunyai kehendak, kemahuan dan keinginan.<sup>1</sup> <sup>فِيهِ ارَادَةٌ</sup>

Dari segi istilah:

Ia adalah satu bentuk galakan, rangsangan dan motivasi kepada umat manusia sejagat agar mereka senantiasa mempertingkatkan ketaqwaan dan peribadatan mereka kepada Allah s.w.t. Targhib juga boleh dimaksudkan sebagai janji-janji baik dan ganjaran pahala kepada orang-orang soleh. Ia boleh didapati daripada dua sumber utama dalam Islam iaitu Al-Quran dan Al-Hadis. Antara contoh-contoh targhib adalah seperti galakan supaya senantiasa ikhlas dalam amalan, benar dalam perbuatan dan lain-lain lagi<sup>2</sup>.

<sup>1</sup>Al-Razi, Mukhtar Al-Shahah, Kaherah, 1937, m.s. 248.

<sup>2</sup>Al-Munziri, Al-Targhib Wa al-Tarhib Min Al-Hadith Al-Syarif, jil.1, Darul Fikri, m.s. 38.

## 2.2: Definisi Tarhib.

Dari segi bahasa:

Ia juga berasal daripada bahasa Arab iaitu kata nama yang diambil daripada kata kerja <sup>دعا</sup> ~~أ~~ yang bererti takut.

( <sup>دعا</sup> )<sup>3</sup>

Dari segi istilah:

Ia adalah satu bentuk peringatan dan amaran kepada manusia supaya mereka senantiasa menghindarkan diri daripada sebarang bentuk kejahatan dan kemaksiatan sama ada lahir ataupun batin. Tarhib ini dapat diketahui daripada dua sumber utama di dalam Islam iaitu Al-Quran dan Al-Hadis<sup>4</sup>.

Contohnya amaran dan peringatan Allah kepada manusia supaya menjauhi sifat riya' dalam setiap amalan dan pekerjaan serta sifat-sifat tercela yang lain<sup>5</sup>.

Kesimpulannya targhib adalah galakan dan rangsangan (motivation)<sup>6</sup> kepada umat manusia seluruhnya dalam bentuk ganjaran pahala dan balasan baik supaya mereka

<sup>3</sup>Al-Razi, op.cit, m.s. 259.

<sup>4</sup>A.Hayei Al-Amrani, Ha Zal Quran, Ihya Turas Al-Islami, Eimirah Arab Bersatu, 1983, m.s.151.

<sup>5</sup>Al-Munziri, op.cit, m.s. 38.

<sup>6</sup>Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kamus Dwi Bahasa, Kuala Lumpur, 1985, m.s.807.

senantiasa berbuat baik dan meninggalkan segala tegahan sepanjang menjalani liku-liku kehidupan di dunia ini.

Manakala tarhib pula lebih merupakan amaran (warning)<sup>7</sup> dan peringatan (reminder)<sup>8</sup> dari Allah s.w.t. kepada manusia dalam bentuk dosa dan balasan azab supaya tidak melakukan sebarang kejahatan. Dan seterusnya berusaha untuk mematuhi segala perintahNya.

Tegasnya, manusia mestilah bertaqwa kepada Allah dengan melaksanakan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya.<sup>9</sup>

### 2.3: Perbezaan dan persamaan antara Targhib dan Tarhib.

Dari definisi yang telah diutarakan oleh penulis tadi menunjukkan bahawa wujudnya perbezaan di antara targhib dan tarhib. Ini kerana targhib adalah merupakan perangsang dan janji baik Allah kepada manusia. Manakala tarhib pula adalah amaran Allah supaya manusia meninggalkan sebarang bentuk maksiat dan kemungkaran serta menggantikan dengan melakukan kebaikan.

---

<sup>7</sup> Ibid, m.s. 1418.

<sup>8</sup> Ibid, m.s. 1033.

<sup>9</sup> Al-Khulaifi, Khutab Al-Jum'ah, Gema Risalah, Indonesia, 1988, m.s. 25.

30

Walaupun bagaimanapun penulis tidak menafikan bahawa di sana wujud beberapa persamaan antara kedua-dua konsep ini. Antaranya:-

1. Persamaan dari sudut sumber
2. Persamaan dari segi tujuan.

1. Persamaan dari segi sumber.

Kedua-dua konsep ini mempunyai persamaan dari sudut sumber kerana lahirnya kedua-dua konsep ini adalah daripada Al-Quran dan Al-Hadis. Kedua-dua sumber ini, disamping sumber-sumber yang lain adalah merupakan sumber-sumber hukum dalam Islam yang wajib dipegang dan diimani setiap orang Islam di sepanjang tempat dan masa.<sup>10</sup>

2. Persamaan dari segi tujuan dan matlamat.

Matlamat dan tujuan Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. memperkenalkan konsep ini kepada manusia adalah untuk memberikan perangsang kepada mereka supaya senantiasa melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan serta

---

<sup>10</sup>Ali Ali Mansor, Mugaranat Baina Al-Syariat Al-Islamiah Wal Qawan Al-Wahdhiah, D.Fathi, Beirut, 1980, m.s. 6.

menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah s.w.t. FirmanNya: <sup>11</sup>

قل ان صلاتي ونسكي ومحياي ومماتي  
للّٰه رب العالمين

Ertinya :

"Katakanlah ya Muhammad bahawasanya  
solatku, ibadatku, hidupku dan matiku  
hanyalah untuk Tuhan Pencipta alam  
semesta."

Tegasnya, matlamat dan tujuan konsep ini adalah  
supaya manusia mengabdikan diri sepenuhnya kepadaNya. Firman  
Allah: <sup>12</sup>

وما خلقت الجن والانس الا ليعبدون

Ertinya:

"Tidak Aku jadikan jin dan manusia  
melainkan untuk menyembah Ku."

2.4: Hikmah Targhib Dan Tarhib Kepada Manusia.

Setiap ciptaan Allah itu mempunyai hikmah dan  
kebaikan yang tertentu. Begitu juga dengan targhib dan

---

<sup>11</sup>Surah Al-An'am, ayat 162.

<sup>12</sup>Surah Al-Zariyat, ayat 56.

tarhib yang ada di dalam kitab suci Al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Antara hikmah-hikmah tersebut ialah:-

1. Dengan adanya targhib ia akan memberikan perangsang kepada manusia supaya terus melakukan kebaikan dan kebajikan dalam menjalani kehidupan di dunia ini.
2. Targhib juga akan menyebabkan umat manusia terus meninggalkan kejahatan dan maksiat ataupun mengurangkannya sedikit demi sedikit dan akhirnya menggantikan segala kejahatan itu dengan kebaikan.
3. Manusia yang benar-benar beriman dengan konsep targhib dan tarhib akan sentiasa memastikan dirinya berada di dalam keadaan yang taat, patuh dan setia kepada Allah s.w.t.
4. Targhib dan tarhib juga boleh menghindarkan manusia dari berputus asa, jemu dan bosan serta malas dalam menghadapi sesuatu perkara.
5. Melalui persoalan targhib dan tarhib, kita boleh menilai sejauh manakah keimanan seseorang itu. Seandainya dia benar-benar beriman khususnya dalam persoalan targhib dan tarhib maka dia akan sentiasa melakukan amal-amal yang soleh dan menjauhkan diri dari perkara-perkara yang keji.

6. Memberikan keyakinan kepada manusia bahawa kehidupan yang kekal abadi adalah di negeri akhirat dan di sanalah janji-janji Allah akan ditunaikan. Firman Allah: 13

والآخرة خير وأبقى

Ertinya:

"Dan kehidupan di akhirat itu adalah lebih baik dan lebih kekal"

7. Menyedarkan dan meyakinkan manusia bahawa segala amalan, tindakan dan segala perbuatan mereka di dunia akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah s.w.t. kelak. 14

Bahkan banyak lagi hikmat dan juga tujuan yang terkandung di sebalik kewujudan tarqhib dan tarhib ini kepada manusia. Ternyata sekali bahawa segala hikmah dan tujuan ini amat berfaedah kepada manusia seandainya mereka benar-benar memahami pengertian, konsep dan tuntutanannya.

#### 2.5: Contoh Tarqhib (Rangsangan) Di Dalam Al-Quran Dan Hadis.

Sebenarnya terdapat banyak sekali nas Al-Quran dan hadis yang menyentuh persoalan tarqhib ini. Di sini penulis akan memaparkan beberapa contoh ayat-ayat Al-Quran dan hadis yang menyentuh perkara tersebut.

---

<sup>13</sup> Surah Al-A'la, ayat 17.

<sup>14</sup> Bey Ariffin, Hidup Sesudah Mati, Pustaka Nasional, Singapura, 1983, m.s.1.

2.5.1: Rangsangan (Galakan) Supaya Bertaqwa Kepada Allah

Firman Allah: 15

ومن يتق الله يجعل له مخرجا ويرزقه من حيث لا يحتسب

Ertinya:

"Sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, kelak Allah akan menunjukkan kepadanya jalan keluar dan mengurniakan rezeki yang tidak diduga sumbernya."

Sabda Rasulullah: 16

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قيل: يا رسول الله من أكرم الناس؟ قال أتقاهم.....

Ertinya:

"Daripada Abu Hurairah (r.a) dia berkata, ada seorang bertanya kepada Rasulullah, 'Wahai Rasulullah, siapakah manusia yang paling mulia?' Baginda menjawab, 'mereka ialah orang-orang yang bertaqwa.'"

---

<sup>15</sup>Surah Al-Talaq

<sup>16</sup>Al-Nawawi, op.cit, m.s. 34.



2.5.2: Galakan Supaya Bertaubat Kepada Allah

Firman Allah:<sup>17</sup>

يا أيها الذين آمنوا توبوا إلى الله توبة نسيها عنكم  
ربكم إن يكفر عنكم سيئاتكم ويدخلكم جنت تجري  
من تحتها الأنهار

Ertinya:

"Wahai orang-orang yang beriman, bertaubatlah kamu kepada Allah dengan taubat nasuha mudah-mudahan tuhan kamu akan mengampuni kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga yang mengalir air sungai di bawahnya."

Sabda Nabi s.a.w.:<sup>18</sup>

من تاب قبل أن تطلع الشمس من مغربها  
تاب الله عليه .

Ertinya:

"Barangsiapa yang bertaubat sebelum terbitnya matahari di sebelah barat, kelak Allah akan menerima taubatnya."

2.5.3: Targhib Supaya Melakukan Kebaikan.

Firman Allah:<sup>19</sup>

وسارعوا إلى مغفرة من ربكم وجنة عرضها  
السموات والأرض أعدت للمتقين

<sup>17</sup>Surah Al-Tahrim, ayat 8.

<sup>18</sup>Al-Munziri, op.cit., juz 4, m.s. 25.

<sup>19</sup>Surah Ali-Imran, ayat 133.

Ertinya:

"Bersegeralah kamu untuk memohon keampunan daripada tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa"

Sabda Rasulullah:<sup>20</sup>

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله (ص) قال :  
بادروا بالأعمال الصالحة .....

Ertinya:

"Bersegeralah kamu untuk mengerjakan amalan- amalan yang baik"

## 2.6: Contoh Tarhib (Amaran) Di Dalam Al-Quran Dan Al-Hadis.

Sebagaimana persoalan targhib,tarhib juga banyak dikemukakan oleh Allah s.w.t di dalam Al-Quranul Karim dan disampaikan oleh Rasulullah s.a.w melalui hadis-hadis baginda.Di sini penulis ingin mengungkapkan beberapa ayat Al-Quran dan Hadis yang membicarakan persoalan tersebut,sebagai contoh dan bukti.

---

<sup>20</sup>Imam Al-Nawawi,Riadhush Salihin,Beirut,1981, m.s. 40.

### 2.6.1: Tarhib (Amaran) Supaya Menjauhi Riba.

Firman Allah: 21

الذين يأكلون الربا لا يقومون إلا كما يقوم الذي  
يتخبطه الشيطان من المس ذلك بأنهم قالوا  
إنما البيع مثل الربا وأحل الله البيع وحرم الربا .

Ertinya:

"Orang-orang yang memakan riba tidak dapat berdiri kecuali seperti orang dirasuk syaitan kerana penyakit gila. Ini adalah kerana mereka menyatakan bahawasanya jualbeli itu adalah sama dengan riba, sedangkan Allah telah menghalalkan jualbeli dan mengharamkan riba".

Sabda Rasulullah s.a.w: 22

عن أبي مسعود رضي الله عنه لعن رسول الله كل الربا  
وهو وكله . رواه المسلم . زاد الترمذي وغيره : وشاهد به  
وكانه .

Ertinya:

"Daripada Ibnu Mas'ud (r.a): "Rasulullah melaknat orang-orang yang memakan riba dan yang memberinya". (Riwayat Muslim) Termizi dan perawi hadith yang lain menambah, "(turut dilaknat ialah) para saksi dan juru tulisnya".

<sup>21</sup> Surah Al-Baqarah, ayat 275.

<sup>22</sup> Al-Nawawi, op.cit, m.s. 359.

## 2.6.2: Tarhib (Amaran) Tentang Siksaan Allah.

Firman Allah:<sup>23</sup>

وأصعب الشمال ما أصعب الشمال في سهيم وحميم  
وظل من يحموم لا بارد ولا كويم .

Ertinya:

"Dan golongan kiri, siapakah golongan kiri itu? Dalam siksaan angin yang sangat panas dan air yang panas mendidih dan dalam naungan asap yang hitam, tidak sejuk dan tidak menyenangkan".

Rasulullah bersabda:<sup>24</sup>

عن ابن عمر رضي الله عنهما أن رسول الله (ص) قال :  
إن أهدكم إذا مات عرض عليه مقعده بالخداوة  
والعشي إن كان من أهل الجنة فمن أهل الجنة  
وإن كان من أهل النار فمن أهل النار

Ertinya:

"Daripada Ibnu Umar bahawasanya Rasulullah bersabda, "apabila seseorang daripada kamu mati akan dibentangkan tempat kepadanya pada waktu pagi dan petang. Sekiranya ia terdiri dari ahli

<sup>23</sup>Surah Al-Waqi'ah, ayat 41 - 44.

<sup>24</sup>Al-Munziri, op.cit., m.s 361.

syurga, ia akan diberikan tempat dan nikmat sebagai ahli syurga dan sekiranya ia tergolong sebagai ahli neraka ia akan dilayani sebagai ahli neraka, lalu dikatakan kepadanya, inilah tempatmu sehinggalah engkau dibangkitkan pada hari kiamat kelak".

Riwayat Bukhari, Muslim, Termizi, Nasai dan Abu Daud.

### 2.6.3: Targhib Kepada Orang Yang Hanya Pandai Menasihati Orang Lain berbuat Kebaikan Sedangkan Dirinya Tidak Melakukan Kebaikan Tersebut

Firman Allah:<sup>25</sup>

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ كَبُرَ مَقْتًا  
عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ

Ertinya:

"Wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan apa yang tidak kamu lakukan? Amat besar kebencian Allah bahawa kamu mengatakan apa yang kamu tidak lakukan."

<sup>25</sup>Surah Al-Saff, ayat 2 - 3.

Rasulullah bersabda: 26

بعثت بالرجل يوم القيامة فيلقي في النار فتندلف افتاب  
 بطنه فيدور بها كما يدور الخمار في الرها فيجتمع اليه  
 اهل النار فيقولون: يا فلان مالك؟ ألم تكن تأمر  
 بالعرف وتنهى عن المنكر؟ فيقول بل كنت أمر  
 بالعروف ولا أنتهى عن المنكر وأنتهى.

Ertinya:

"Ada seorang lelaki pada Hari Kiamat kelak ia digiring ke neraka lalu dicampak ke dalamnya. Isi perutnya terburai keluar dan ia berpusing-pusing melaung seperti keldai mengelilingi kincir air, berkumpullah penghuni neraka melihat lelaki tersebut lalu mereka berkata: "wahai si polan! tidakkah engkau yang menyuruh orang yang melakukan yang makruf dan melarang yang mungkar?" lelaki itu menjawab: "Ya memang benar dulu aku menyuruh melakukan kebaikan tetapi aku tidak melakukannya..."

## 2.7: Rangsangan (Targhib) Maddi Duniawi Dan Ukhrawi Di Dalam Al-Quran Dan Al-Hadis.

Dengan memerhati dan mengkaji kitab suci Al-Quran dan Al-Hadis kita akan menemui dua bentuk rangsangan kepada manusia dalam kehidupan ini. Rangsangan-rangsangan tersebut adalah bersifat maddi duniawi dan rangsangan ukhrawi.

<sup>26</sup> Al-Nawawi; op. cit., m.s. 81.

Bagi memudahkan perbincangan, penulis mengagihkannya dalam bentuk berikut:

2.7.1: Al-Quran Dan Rangsangan Maddi Duniawi

Di dalam Al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang menyentuh tentang rangsangan yang bersifat maddi duniawi. Jadi di sini, penulis akan menyenaraikan beberapa contoh daripada ayat-ayat Al-Quran tersebut khususnya tentang ganjaran kerja seseorang. Seperti firman Allah:<sup>27</sup>

لَنْ أُنْفِقَ مِنْكَ لِيَجْزِيَكَ أَجْرًا سَقِيتَ لَنَا

Ertinya:

"Sesungguhnya bapakku memanggil kamu agar ia memberikan balasan terhadap kebaikanmu memberi minuman kepada ternakan kami."

<sup>27</sup> Surah Al-Qasas, ayat 25.

Firman Allah lagi:<sup>28</sup>

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَجِيبُوا لِرَبِّكُمْ إِذَا كَانَ لَكُمْ خَيْرٌ مِّنْ أَسْتَجِيبُوا لَهُمْ  
الْقَوَى الْأَمِينِ

Ertinya:

"Wahai bapakku, ambillah dia sebagai orang yang bekerja (kepada kita) kerana sesungguhnya orang yang paling baik untuk bekerja ialah orang yang kuat lagi dipercayai."

#### 2.7.2: Al-Hadis Dan Rangsangan Maddi Duniawi

Begitu juga di dalam hadis Rasulullah, di mana terdapat banyak hadis yang membicarakan tentang rangsangan maddi duniawi ini. Di sini, penulis akan mengemukakan beberapa hadis yang menyentuh tentang perkara tersebut: Rasulullah s.a.w. bersabda:<sup>29</sup>

أَعْطُوا الْأَجْرَ أَوَّلَهُ قَبْلَ أَنْ يَجْفَى عَرَفَهُ

Ertinya:

"Berilah upah kepada orang yang mengambil upah sebelum keringatnya kering."

<sup>28</sup> Surah Al-Qasas, ayat 26.

<sup>29</sup> Imam Mohd B. Ismail, Subulus salam, cetakan ke 3, Dahlan, Bandung, 1059, m.s. 81.



Rasulullah bersabda lagi:<sup>30</sup>

من استأجر أجيرا فليس له أجرته

Ertinya:

"Sesiapa yang mengambil upah seseorang beliau mestilah menyerahkan upahnya."

### 2.7.3: Al-Quran Dan Rangsangan Ukhrawi

Rangsangan atau dorongan ukhrawi banyak dikemukakan oleh Allah s.w.t. di dalam Al-Quranul Karim. Di antara ayat-ayat yang menyentuh aspek ini adalah seperti firman Allah:<sup>31</sup>

للذين احسنوا منهم وانفقوا اجر عظيم

Ertinya:

"Bagi orang-orang yang berbuat kebaikan dan bertaqwa di antara mereka akan dikurniakan balasan yang besar."

<sup>30</sup>Ibid, m.s. 82.

<sup>31</sup>Surah Ali-Imran, ayat 172.

Firman Allah lagi: 32

ومن يفعل ذلك ابتغاء مرضات الله  
فسوف نؤتيه أجرا عظيما .

Ertinya:

"Dan barangsiapa yang berbuat demikian kerana mencari keredhaan Allah maka kelak kami memberi kepadanya pahala (ganjaran) yang besar."

Allah juga berfirman: 33

ومن يقاتل في سبيل الله فيقتل أو يغلب  
فسوف نؤتيه أجرا عظيما .

Ertinya:

"Barangsiapa yang berperang di jalan Allah lalu gugur atau menang, maka kelak akan kami berikan kepadanya balasan pahala yang besar."

<sup>32</sup>Surah Al-Nisa, ayat 114.

<sup>33</sup>Surah Al-Nisa, ayat 74.

#### 2.7.4: Al-Hadis Dan Rangsangan Ukhrawi

Sebagaimana Al-Quran, hadis-hadis Rasulullah s.a.w. juga banyak menyebutkan rangsangan yang bersifat Ukhrawi. Antara hadis yang menunjukkan bahawa wujudnya rangsangan ukhrawi ini adalah seperti berikut ini. Rasulullah bersabda: <sup>34</sup>

ومن فرح من مسلم كربة فرح الله عنه بها كربة  
من كربات يوم القيامة . رواه البخاري ومسلم .

Ertinya:

"Sesiapa yang melepaskan seseorang mukmin daripada keresahan dunia, kelak Allah akan melepaskannya dari kesusahan di akhirat."

Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

Sabdanya lagi : <sup>35</sup>

أول من يدعى إلى الجنة الحمادون الذين يحمدون  
الله على كل حال

Ertinya:

"Orang yang pertama dijemput ke syurga ialah orang yang suka memuji Allah dalam setiap perkara."

<sup>34</sup>Hj. Abdullah Wahab, Empatpuluh Hadis Pilihan, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 3.

<sup>35</sup>Imam Habib Abdullah Haddad, Al-Nasih Al-Diniyah Wal Wasaya Al-Imamiah, terjemahan Syed Ahmad Semait, Nasihah Agama Dan Wasiat Imam, Pustaka Nasional, Singapura, 1981, m.s. 428.

## 2.7.5: Ayat-Ayat Yang Menunjukkan Gandaan Ganjaran Ukhrawi

Di samping adanya ayat-ayat Al-Quran yang menceritakan tentang balasan-balasan ukhrawi, terdapat juga ayat-ayat yang lebih khusus yang menunjukkan adanya ganjaran yang berlipatkali ganda yang akan diberikan kepada orang-orang yang melakukan kebaikan di permukaan bumi ini. Antara ayat-ayat yang menyentuh soal ini ialah seperti firman Allah: 36

مثل الذين ينفقون أموالهم في سبيل الله  
كمثل حبة أنثت سبع سنابل في كل سنبلة  
مائة حبة والله بصير لمن يشاء والله  
واسع عليم .

Ertinya:

"Perumpamaan (nafkah yang diberikan oleh) orang-orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah serupa dengan sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada tiap-tiap tangkai seratus biji. Allah melipatgandakan ganjaran bagi sesiapa yang dikehendakinya. Dan Allah Maha luas kurniaNya lagi Maha Mengetahui."

<sup>36</sup>Surah Al-Baqarah, ayat 261.

Firman Allah lagi: 37

وما أدراك ما ليلة القدر ليلة القدر هي من ألف شهر

Ertinya:

"Tahukah kamu apakah Lailatul Qadar itu? Lailatul Qadar itu adalah lebih baik dari seribu bulan."

Apa yang dikemukakan oleh penulis hanyalah contoh. Bahkan terdapat tidak kurang daripada seratus kalimah "al-ajru (الأجر)" disebut di dalam Al-Quran.<sup>38</sup>

Manakala ayat-ayat mengenai ganjaran yang tidak disebut dengan lafaz al-ajru tetapi dengan lafaz-lafaz lain yang menunjukkan ganjaran pahala seperti thawab (ثواب), khairan (خير), ni'ma (نعمة), falah (فلاح) dan lain-lain lagi.<sup>39</sup>

---

<sup>37</sup> Surah Al-Qadr, ayat 2 - 3.

<sup>38</sup> Alias Othman, Kertas Kerja Islam Dan Motivasi Kerja, 1988, m.s. 5.

<sup>39</sup> Ibid, m. s. 36.

## 2.7.6: Hadis Yang Menunjukkan Gandaan Ganjaran Ukhrawi

Selain daripada ayat-ayat Al-Quran terdapat juga hadis-hadis yang menggambarkan adanya ganjaran atau balasan yang berlipatkali ganda yang akan diberikan kepada orang-orang yang melakukan kebaikan. Antara hadis-hadis tersebut adalah seperti sabda Rasulullah:<sup>40</sup>

الصلاة الجماعة أفضل من صلاة الفرد بسبع وعشرين درجة .

Ertinya:

"Bersembahyang secara berjamaah itu lebih baik daripada bersembahyang seorang diri sebanyak duapuluh tujuh kali ganda."

Sabda Rasulullah lagi:<sup>41</sup>

من صام رمضان ثم اتبعه ستا من شوال كان كالصيام الدهر .

Ertinya:

"Barangsiapa yang berpuasa • Ramadhan kemudian menyusulnya dengan berpuasa selama enam hari dalam bulan Syawal maka seolah-olah ia berpuasa sepanjang masa."

---

<sup>40</sup> Al-Nawawi, op.cit. .m.s. 260.

<sup>41</sup> Ibid. .s. 285.

## 2.8: Syurga Dan Neraka Antara Objek Targhib Dan Tarhib

Syurga yang dijadikan oleh Allah s.w.t. telah dipenuhi dengan kenikmatan dan kegembiraan.<sup>42</sup> Manakala neraka pula dipenuhi dengan azab dan sengsara.<sup>43</sup>

Kedua-duanya adalah merupakan objek utama targhib dan tarhib kepada manusia supaya melaksanakan kebaikan dan sekaligus merupakan meninggal atau menjauhi kemungkaran. Oleh itu penulis akan memperincikan perbincaraan mengenai kedua-dua objek utama ini.

### 2.8.1: SYURGA

Syurga dalam bahasa Arab disebut sebagai *Jannah* yang bererti kebun.<sup>44</sup> Manakala dari segi istilah ilmu tauhid ia diertikan sebagai tempat manusia menerima anugerah daripada Allah s.w.t. di atas segala kepatuhan, ketaqwaan, kebaikan dan kebajikan yang telah dilakukan sepanjang menjalani kehidupan di dunia ini.

---

<sup>42</sup> Mahmod Syalaby, Hayat Ahlul Jannah, Beirut 1984, m.s. 261.

<sup>43</sup> Ibn Kathir, Akhbar Al-Jannah Wa Al-Nar, Kaherah, 701m, m.s. 69.

<sup>44</sup> Al-Razi, op.cit., m.s. 114.

Di antara syurga-syurga yang disediakan adalah syurga Firdaus, Ma'wa, Khuldi, Na'im, Adnin, Darus Salam dan Darul Jalal.<sup>45</sup>

Manakala orang-orang yang akan menjadi penghuni syurga adalah orang-orang yang bertaqwa, menyembah Allah, beramal soleh, mati syahid dan lain-lain lagi.

Sesungguhnya syurga adalah merupakan suatu tempat yang dipenuhi dengan pelbagai nikmat dan kegembiraan. alah s.w.t. telah menggambarkan tentang keadaan penghuni syurga dan nikmat-nikmat yang diperolehi oleh mereka di dalam ayat-ayat Al-Quran. Contohnya firman Allah:<sup>46</sup>

وجوه يومئذ ناعمة لسعيها راضية  
في جنة عالية لا تسمع فيها لاغية  
فيها عين جارية فيها سرر مرفوعة  
واكواب موضوعة ونباق محفوظه  
وزراف مشوطة .

Ertinya:

"Banyak muka pada hari berseri-seri, merasa senang dengan usahanya, dalam syurga yang tinggi tidak kamu dengar di dalamnya perkataan yang tidak

<sup>45</sup> Ibnu Idris, Kehidupan Manusia Di Alam Akhirat, Pustaka Al-Mizan, Kuala Lumpur, 1987, m.s. 23.

<sup>46</sup> Surah Al-Ghasyiah, ayat 8 - 16.



berguna, di dalamnya ada mata air yang mengalir, ada juga takhta yang diunggulkan, gelas-gelas diletakkan dekatnya dan bantal-bantal yang tersusun dan permaidani yang terhampar."

Keindahan syurga juga sering diperkatakan oleh Rasulullah. Contohnya sabda Rasulullah:<sup>47</sup>

ان حائط الجنة لبنة من فضة ولبنة من ذهب  
ترابها زعفران وطيبها مسك

Ertinya:

"Sawahasanya pagar syurga itu diperbuat daripada bata perak dan emas, tanahnya saffaran dan iupurnya miski (wangi)."

## 2.8.2: NERAKA

Neraka sering disebut di dalam Al-Quran sebagai "al-nar" yang bererti api.<sup>48</sup> Ini adalah kerana ia merupakan suatu tempat di akhirat yang wujudnya berupa api yang

<sup>47</sup> Al-Ghazali, Ihya Ulumuddin, juz 3, m.s. 23.

<sup>48</sup> Al-Raziq, op.cit., m.s. 242.

menyala-nyala dengan dahsyatnya sehingga boleh mengelupas kepala dan menjulang ke hati.<sup>49</sup>

Neraka disediakan oleh Allah kepada seluruh orang kafir, orang munafik, orang yang mendustakan ayat-ayat Allah, orang yang buruk amal perbuatannya dan orang yang tidak mahu mentaati perintah Allah.<sup>50</sup>

Orang-orang yang menjadi penghuni neraka akan senantiasa berada di dalam keadaan yang menakutkan dan sengsara,<sup>51</sup> kecuali orang yang hatinya terselit iman dan tauhid.<sup>52</sup>

Baginda Rasulullah sendiri apabila diterangkan keadaan neraka maka muka baginda akan menjadi pucat, gementar lantas menangis dengan air mata yang bercucuran.<sup>53</sup>

---

<sup>49</sup> Ibnu Idris, op.cit., m.s. 4

<sup>50</sup> Al-Hanbali, Al-Takhwif Min Al-Nar, Darul Kutub, Beiruit, 763M, m.s. 215.

<sup>51</sup> Ibid., m.s. 216.

<sup>52</sup> Ibnu Idris, op.cit., m.s. 188.

<sup>53</sup> Bey Ariffin, op.cit., m.s. 188.

Bahan-bahan bakaran yang ada di dalam neraka adalah terdiri dari para manusia yang kufur kepadaNya dan juga batu-batu. Firman Allah: <sup>54</sup>

فاتقوا النار التي وقودها الناس والحجارة  
اعدت للكافرين .

Ertinya:

".....hendaklah kamu takut kepada neraka yang mana bahan bakarannya adalah daripada manusia dan batu-batu dan disediakan kepada orang-orang yang kafir."

Azab Allah s.w.t. ini akan kekal dan tidak akan hancur selama-lamanya. Firman Allah: <sup>55</sup>

سأصليه سقر وما أدراك ما سقر  
لا تبقی ولا تذر لواجهة للبشر  
عليها شعة عشر .

Ertinya:

"Orang-orang yang menentang ayat-ayatnya akan Kami masukkan ke dalam neraka Saqar. Apakah neraka Saqar itu? Iaitu api yang kekal dan tidak akan hancur, yang membakar kulit manusia. Neraka Saqar itu dijaga oleh sembilan belas Malaikat."

---

<sup>54</sup> Surah Al-Baqarah, ayat 24.

<sup>55</sup> Surah Al-Mudathir, ayat 26 - 30.

Manakala azab yang paling ringan ialah dengan memakai selipar yang menyebabkan otak mendidih lantaran panasnya api neraka itu. Azab ini akan dikenakan kepada bapa saudara Rasulullah iaitu Abu Talib.

Rasulullah s.a.w. juga bersabda:<sup>56</sup>

أمر الله تعالى أن يوقد على النار ألف عام حتى أحمرت  
ثم أوقد عليها الف عام حتى أبيضت ثم أوقد  
عليها الف عام حتى أسودت حتى سودت مظلمة

Ertinya:

".....Allah telah memerintahkan supaya dinyalakan api neraka itu selama seribu tahun sehinggalah ia menjadi merah. Dan kemudian dinyalakan lagi selama seribu tahun sehinggalah menjadi putih dan dinyalakan lagi sehingga menjadi hitam. Maka neraka itupun menjadi hitam dan gelap.

Kesimpulannya, dari semua dalil yang telah dipaparkan oleh penulis jelas menunjukkan bahawa neraka itu adalah satu tempat siksaan yang dahsyat dan tidak ada tolok

---

<sup>56</sup> Abdul Aziz, Hari Kiamat Hari Akhir Hari Pembalasan, Pustaka Nasional, Singapura, 1986, m.s. 106.

bandingnya di dunia ini. Apabila manusia telah berada di dalamnya mereka tidak akan dapat keluar kecuali dengan pertolongan Allah.

Manakala syurga pula adalah tempat yang abadi yang disediakan kepada orang-orang yang taat kepada Allah dan RasulNya. Ia dipenuhi dengan pelbagai nikmat dan rahmat.